

19 JUL 2000

Mahathir-Huru Hara

KUMPULAN BERSENJATA CUBA TIMBULKAN KEKACAUAN TETAPI TIDAK BERJAYA

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata antara tiga dan lima orang daripada kumpulan yang melakukan rompakan senjata di kem tentera di Gerik pada 2 Julai lepas telah keluar daripada tempat persembunyian mereka di Sauk untuk melakukan huru-hara tetapi tidak berjaya.

Beliau berkata, orang-orang ini meninggalkan kubu mereka bersama satu senjata iaitu 'M16 rocket launcher' sebelum pasukan keselamatan dapat mengepung kubu itu.

Dr Mahathir berkata, mereka mempunyai rancangan lain dan tujuan mereka ialah untuk mencetuskan huru-hara dengan menembak sesuatu tempat yang akan menimbulkan keraguan bahawa negara kita ini selamat.

"Mereka sebenarnya membawa M16 ini keluar. Ada juga laporan bahawa mereka menembak sebuah kuil, mereka menembak kilang Carlsberg. Tetapi mereka tidak tahu menggunakan senjata itu dengan berkesan, jadi tidak ada apa-apa berlaku," katanya dalam rancangan wawancara khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV3 malam ini.

"Kerajaan mengaku kita tidak melaporkan perkara ini sehingga saya sebut ini kerana kita tidak nak rakyat merasa gelisah sedangkan kita mampu menangannya." kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan sama ada anggota kumpulan itu memang terlepas, berada di Kuala Lumpur dan memang telah berusaha untuk mencetuskan kekacauan.

Dr Mahathir berkata, yang terlepas itu sudah ditangkap semuanya dan senjata itu pun sudah ditemui.

Pada 2 Julai lepas satu kumpulan 15 orang yang menyamar sebagai pegawai dan anggota tentera menceroboh dua kem tentera di Gerik dan melarikan lebih 100 senjata dan beribu-ribu butir peluru.

Kumpulan itu kemudian bersama 13 lagi anggota kumpulan Al-Ma'unah, berkubu di Bukit Jenalek, Sauk, sebelum menyerah diri lima hari kemudian kepada pasukan keselamatan yang mengepung mereka.

Dua orang anggota keselamatan yang menjadi tebusan kepada kumpulan berkenaan semasa mereka dikepung dibunuh manakala seorang anggota kumpulan itu terbunuh semasa kejadian tembak-menembak.

Beliau berkata, polis dengan cepat dapat mengenal pasti siapa yang terlibat dan menemui senjata itu yang disembunyikan di Sungai Petani.

Dr Mahathir juga berkata, tindakan kumpulan bersenjata membunuh dua tebusan bukan Islam telah menimbulkan perasaan keraguan di kalangan orang bukan Islam bahawa ada niat orang Islam untuk menganiaya dan membunuh mereka.

"Ini tidak sihat dalam sebuah masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia."

Katanya, selama ini kerajaan telah memupuk perasaan muhibah, perasaan persaudaraan di kalangan penduduk pelbagai kaum kerana negara memerlukan keamanan untuk kesejahteraan hidup semua bangsa dan ini telah dicapai.

"Tetapi mereka itu tidak sama sekali menghargai perpaduan kaum yang terdapat dan mereka berbuat sesuatu yang mereka tahu akan menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan orang bukan Islam. Kononnya ada orang Islam yang ingin melakukan jenayah terhadap mereka," tambah beliau.

-- BERNAMA

AR AHH PR

